

# Tak sangka menang tempat pertama

**Kuala Lumpur:** "Kami terkejut dengan keputusan hari ini kerana tidak sangka akan memenangi tempat pertama memandangkan banyak universiti dan kolej yang menyertai pertandingan ini.

"Kami bermula mengambil masa enam minggu dengan modal RM500 untuk menyiapkan video pendek kami," kata Pengarah video pendek Dream Jar Muhammad Sabri Asmadi, 20, yang memenangi tempat pertama dalam pertandingan Youth Video Award 2015.

Menurut Muhammad Sabri, video pendek itu dihasilkan bersama rakannya

iaitu Aida Fatini Mohamad, 20, dan Akid Akram Zubir, 20, pelajar Jurusan Filem, Teater dan Animasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diinspirasikan daripada konsep You Only Live Once (YOLO).

"Kami cuba melawan arus apabila membuat cerita yang tidak berunsur sedih apabila ia membabitkan kehidupan dan mensasarkan fokus kami me-

ngenai matlamat hidup seorang.

"Kami berterima kasih kepada pensyarah kami, Bebbra Mailin yang banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan sepanjang penghasilan video ini," katanya.

**FAKTA**  
**Ambil masa enam minggu dengan modal RM500 untuk siapkan video pendek**



**MUHAMMAD** Sabri (kiri), Aida Fatini dan Akid Akram bersama anugerah masing-masing.